

MUDUNGAN ANTARA KERJA SILIRAN DENGAN KESEJAHTERAAN
HIDUP DI KALANGAN JURURAWAT

SAFAR BIN ZAINAL

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

108873



108873

ABSTRAK

Kebanyakan masalah yang timbul di kalangan pekerja giliran berkisar di sekitar masalah fizikal, kesihatan, sosial dan hubungan keluarga. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji sama ada terdapat hubungan di antara kerja giliran dengan kesejahteraan hidup pekerja. Seramai 80 orang jururawat Hospital Daerah Kluang telah dipilih sebagai responden kajian. Kesejahteraan hidup pekerja dikaji daripada tiga aspek iaitu aspek kesihatan, aspek hubungan sosial dan keluarga, dan aspek peruntukan masa peribadi. Kaedah analisis Korelasi Momen Pearson digunakan untuk melihat hubungan di antara variabel bebas (kerja giliran) dengan variabel terikat (kesejahteraan hidup). Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara kerja giliran dengan aspek kesejahteraan hidup yang dikaji. Dapatan juga menunjukkan bahawa aspek kualiti masa tidur mempunyai nilai korelasi yang tertinggi ($r = 0.701^{**}$; $p = 0.01$).

BAB I

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Perkembangan pesat ekonomi telah menyebabkan banyak pekerjaan yang dahulunya dijalankan hanya pada waktu siang dilaksanakan secara berterusan siang dan malam. Terdapat juga pekerjaan yang sememangnya memerlukan kerja berterusan seperti pekerjaan di sektor keselamatan dan kesihatan. Selain daripada itu, pekerjaan di dalam sektor pengangkutan, perlombongan dan pembuatan juga telah banyak dilaksanakan secara kerja giliran.

Menurut Maimunah (1994), kerja giliran atau kerja syif merupakan satu konsep yang boleh didefinisikan dengan pelbagai cara. Umumnya, apabila disebut kerja giliran, ia melibatkan satu proses penggantian waktu kerja dari kerja waktu siang kepada kerja waktu malam dan sebaliknya. Dianggarkan 20 peratus hingga 25 peratus pekerja Eropah dan Amerika Syarikat terlibat dalam satu bentuk kerja giliran (Jaffe dan Smolensky, 1996). Kerja giliran ini melibatkan pelbagai industri seperti perlombongan, sumber tenaga, perkhidmatan keselamatan, kesihatan, pembuatan dan pengangkutan.

Terdapat banyak faktor yang membawa kepada kerja giliran. Antara sebab khusus perlunya kerja giliran termasuklah :

- a. Pemanjangan masa yang diperlukan untuk melengkapkan kerja atau proses kerja tertentu.
- b. Keperluan berterusan atau pertambahan permintaan terhadap perkhidmatan tertentu seperti pengangkutan dan kesihatan.
- c. Faktor-faktor ekonomi seperti peningkatan modal pelaburan, keperluan kepada persaingan maksimum.
- d. Peningkatan teknologi.

Dengan bekerja giliran terutama giliran malam, tabiat tidur perlu diubahsuai, waktu makan juga berubah. Di samping itu, perubahan kerja juga akan mengganggu *ritma circadian* (*circadian rhythms*) yang berdasarkan pusingan 24 jam siang dan malam (Sergean; 1971 dan Walker; 1978). *Ritma circadian* merujuk kepada kebiasaan tubuh manusia untuk bergiat aktif pada waktu siang dan berehat pada waktu malam. Oleh itu, aktiviti adalah tinggi pada waktu siang dan semakin rendah pada waktu malam dan awal pagi. Pada umumnya, prestasi kerja adalah pada tahap terbaik semasa tubuh badan paling aktif dan suhu badan paling tinggi (Walker; 1978). Justeru itu, apabila seorang pekerja bekerja pada giliran malam, ia akan menghadapi kesukaran dan memerlukan masa untuk menyesuaikan tubuh badan dengan masa tersebut.

Ramai pengkaji telah membuat kajian tentang kerja giliran di dalam pelbagai aspek. Misalnya NicholSEN, et.al (1978) telah membuat analisis trend ketidakhadiran kerja dengan kerja giliran. Frese dan Okonek (1984) mengkaji sebab-sebab pekerja giliran meninggalkan kerja giliran. Jaffe dan Smolensky (1996) pula mengkaji aspek kualiti masa tidur, kesejahteraan fizikal dan sosial pekerja yang bekerja secara giliran. Humm (1996) mengkaji hubungan antara personaliti jururawat dengan tugas malam. Kajian terkini oleh Bohle et.al (1998) pula melihat dari aspek pengaruh kerja giliran terhadap sikap jururawat.

Di Malaysia, kajian tentang kesan kerja giliran kini mula diberi perhatian. Ia sejajar dengan perkembangan pesat ekonomi negara yang menghendaki syarikat-syarikat menjalankan operasi berterusan selama 24 jam. Ini mewujudkan kerja giliran bagi syarikat tersebut. Antara kajian yang telah dijalankan ialah kajian oleh Lin (1985) yang melihat kesan kerja giliran terhadap kesejahteraan pekerja. Teo (1986) mengkaji kesan jadual kerja giliran dan tempoh masa kerja ke atas masalah kebimbangan, kesihatan dan personaliti pekerja kilang. Harjit Kaur (1990) pula melihat kesan kerja giliran ke atas kepuasan kerja dan prestasi kerja di sektor pembuatan. Manakala Nor Azlina (1992) mengkaji kesan kerja giliran dan teknologi baru ke atas kesihatan dan prestasi kerja pekerja wanita di sektor perkilangan elektronik.

1.2 Latar belakang kajian

Kerja giliran melibatkan sebarang kegiatan atau aktiviti pekerjaan di luar masa kerja biasa iaitu dari pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Pekerja yang terlibat dengan kerja giliran terutamanya giliran petang tidak akan dapat melakukan amalan biasa seperti bersukan dan bertemu rakan pada waktu petang. Pekerja giliran malam pula tidak dapat berkumpul bersama keluarga dan tidur pada waktu malam.

Jururawat yang menjadi responden dalam kajian ini merupakan golongan yang telah terlibat dengan kerja giliran sebagai satu kemestian. Perkembangan dalam sektor perubatan di Malaysia telah menunjukkan pertambahan daripada segi bilangan hospital dan bilangan kakitangan hospital. Bilangan hospital awam bertambah daripada 95 buah pada tahun 1990 menjadi 115 buah pada tahun 1995 manakala bilangan hospital swasta bertambah daripada 174 buah pada tahun 1990 kepada 193 buah pada tahun 1994 (Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000; 1996).